

ISLAMISASI BAHASA MELAYU DAN PENGARUH
TRADISI KEILMUAN ISLAM DALAM *KITAB PENGETAHUAN BAHASA*
OLEH RAJA ALI HAJI (1808-1873)

MUHAMMAD SYUKRI ROSLI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ISLAMISASI BAHASA MELAYU DAN PENGARUH
TRADISI KEILMUAN ISLAM DALAM *KITAB PENGETAHUAN BAHASA*
OLEH RAJA ALI HAJI (1808-1873)

MUHAMMAD SYUKRI ROSLI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

Kepada para ulama yang ibarat buruj
menunjuki jalan pelayaran di lautan ilmu

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah yang menganugerahkan *al-bayan* buat insan. Selawat dan salam tidak berputusan kepada Junjungan Nabi Muhammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* yang memiliki sefasih-fasih lisan. Buat para sahabat dan ahli keluarga baginda yang memelihara al-Qur’an dan Sunnah – permata warisan ketamadunan. Para ulama yang rasikh pemelihara jalur keilmuan dan mata rantai Islam dengan angkatan terkemudian.

Saya ingin menzahirkan penghargaan tidak terhingga kepada Profesor Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud yang mengizinkan dan membuka peluang kepada saya untuk menuntut ilmu Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur. Beliaulah yang mengajar, mendidik, menghurai tentang faham pendidikan tinggi islam, adab dan konsep Islamisasi dalam bahasa, sejarah, akhklah dan institusi, seperti yang tercermin dalam tulisan dan pelbagai syarahan yang telah saya manfaatkan. Pengalaman berharga dididik dan didisiplinkan oleh para ilmuwan yang saya hormati dan kasihi yang wajar saya sebutkan nama mereka: Profesor Dr. Muhammad Zainiy Uthman, Profesor Dr. Tatiana Denisova, Profesor Madya Dr. Khalif Muammar A. Harris, Profesor Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah, Profesor Madya Dr. Adi Setia Mohd Dom, Dr. Syamsuddin Arif dan Dr Suleiman Mohammed Hussein Boayo. Di CASIS inilah saya berpeluang untuk mendengar secara langsung kuliah YM Tan Sri Dr. Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas serta mendengar kupasan yang mendalam beliau mengenai soalan saya yang dikirim secara bertulis. Setiap patah kalimah ajaran mereka saya doakan agar senantiasa menjadi pemberat timbangan amal.

Penghargaan yang khas untuk penyelia tesis ini, Profesor Madya Dr. Khalif Muammar A. Harris yang banyak mencadangkan penambahbaikan supaya isi

kandungan judul yang dibahaskan lebih kemas dan kukuh, serta memastikan karangan saya mencapai mutu ilmiah yang sepatutnya. Beliau telah mencurahkan keringat dan meluangkan masa di sebalik kesibukan tugas hakiki untuk memastikan karangan saya ini berada dengan baik di tangan pembaca. Semoga Allah memanjangkan lagi usia dengan keberkatan ilmu yang diwarisinya.

Pengiktirafan juga buat barisan guru Siri Pandangan Alam Islam (WISE) anjuran Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM), Dr. Mohd Zaidi Ismail, Dr. Mohd Sani Badron, Dr. Mohd Farid Mohd Shahrhan dan En. Roslan Abdul Jelani yang awal membuka pintu untuk saya melangkah ke alam ilmi ini. Melalui didikan dan syarahan mereka dalam kelas setiap hari Sabtu sejak 2011 yang lalu, saya telah mendapat peluang untuk beralih ke bidang falsafah dan pemikiran. Semoga Allah merahmati setiap satu daya fikir dan usaha mereka yang tidak mengenal jemu dan penat.

Pujian juga wajar dizahirkan buat sahabat-sahabat sepengajian dan seperjuangan, Mohd Hilmi Ramli, Wan Mohd Aimran Wan Mohd Kamil, Muhammad Husni Mohd Amin, Muhammad Ikhwan Azlan, Muhammad Firdaus Pozi@Rozi, Syed Muhammad Muhiyuddin al-Attas, Khayrrurijal Abdul Halim, Syarifah Hajar al-Mahdaly, Khalina Khalili, Muhammad Syafiq Borhanuddin, Muhammad Fahroni Hamdan, Muhammad Zul-Faisal Omar, Hasanul Ariffin Zawawi dan ramai lagi yang tidak dapat saya sebutkan di sini. Dengan mereka, kegiatan ilmu di dalam dan luar CASIS menjadi sangat bermakna. Semoga Allah mengangkat kesulitan mereka dan digantikan dengan rahmat serta hikmah yang mendalam. Ingatan ikhlas buat barisan rakan sekerja, Norziati Mohd Rosman, Sarah Syazwani Shaifuddin, Aliff Basri dan Ahmad Saifuddin Amran yang senantiasa mendengar keluh kesah saya dalam pelajaran, penulisan dan tuntutan kerja yang berjalan serentak. Buat Norziati, Husni dan Khalina yang tiada dapat saya membalas jasanya kerana sanggup menyemak karangan ini pada saat-saat akhir sebelum ia dihantar.

Akhir sekali, saya ingin mengungkapkan rasa kasih dan cinta yang amat mendalam buat bonda saya, Hajah Norhayati Razali; isteri saya, Balkis Muhamad

Bazli; adik beradik saya, Nurliyana Rosli, Muhammad Zulfahmi Rosli dan Nurul Nabilah Rosli; serta nenda saya, Hajah Samsiah Abdul Wahab Panglima, yang berkongsi kesusahan dan kesenangan, kesedihan dan kegembiraan, kesyahduan dan kemarahan sepanjang saya menyiapkan karangan saya ini. Mereka adalah insan yang amat memahami dan mendorong saya walau apa jua saya lakukan, sungguhpun tidak sempurna. Tidak dilupakan juga buat ayahanda, Haji Rosli Yaacob. Hanya Allah sahaja yang mampu mengurniakan kebahagiaan kepada kami semua di dunia dan akhirat.

Buat setiap ulama yang telah berlalu yang disebutkan dalam tesis ini, terutamanya Raja Ali Haji, saya mohon supaya disedekahkan al-Fatihah buatnya. Semoga hasil karangan saya ini dapat dibaca dengan teliti dan dikupas dengan lebih mendalam.

ABSTRAK

Sumbangan Islam terhadap sesuatu bahasa sangat besar sehingga ia telah mencetuskan satu tradisi keilmuan yang sangat berpengaruh di dunia. Akan tetapi, kajian mengenai pengaruh Islam terhadap dasar pandangan alam dan kerangka keilmuan sesuatu bahasa masih belum dibahaskan secara meluas. Hakikatnya, sejarah membuktikan bahawa Islam telah memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan bahasa Arab, bahkan kepada bahasa-bahasa Islam yang lain seperti bahasa Melayu, dengan gerak daya Islamisasi bahasa. Justeru itu, kajian ini membahaskan perihal Islamisasi Bahasa Melayu dan Pengaruh Tradisi Keilmuan Islam dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa*, yakni sebuah kajian kandungan pandangan alam dan tradisi keilmuan bahasa Melayu, karya Raja Ali Haji (m. 1873M) yang dikarang pada pertengahan abad ke-19. Untuk itu, kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif untuk menghuraikan gerak daya Islamisasi bahasa yang merubah dasar pandangan alam bahasa Arab dan bahasa Melayu, bersumberkan data-data kepustakaan. Seterusnya kajian ini merincikan kerangka tradisi keilmuan Islam yang berasaskan kaedah *tafsīr-ta'wīl* yang berakar daripada al-Qur'an. Dengan tinjauan kepustakaan juga, pensejarahan kerangka khusus tradisi keilmuan bahasa Arab dan bahasa Melayu dirumuskan. Selanjutnya, kaedah analisis kandungan (*content analysis*) *Kitab Pengetahuan Bahasa* digunakan bagi menyelidiki dasar pandangan alam dan kerangka keilmuan yang melatari karya pengarangnya. Kajian ini mendapati bahawa gerak daya Islamisasi bahasa telah memberi pengaruh yang sangat besar kepada bahasa Arab dan mewujudkan tradisi keilmuan bahasa Islam yang pertama yang kemudian menggerakdayakan pengislaman bahasa Melayu. Pengislaman bahasa Melayu berlaku dengan kemasukan istilah kunci dari bahasa Arab-Islam dan perubahan makna istilah kunci yang sedia ada menurut konsep dan makna pandangan alam Islam. Bahasa Melayu yang telah diislamkan ini turut menerima pengaruh kerangka tradisi keilmuan Islam yang menggunakan kaedah *tafsīr-ta'wīl*, sepertimana yang terdapat dalam karya-karya ilmuan Melayu-Jawi sejak abad ke-15. Gerak daya Islamisasi dan pengaruh tradisi keilmuan Islam terhadap bahasa Melayu ini terbukti dengan karya *Kitab Pengetahuan Bahasa*, yang mana ia mengandungi pentakrifan yang mendalam untuk tujuh istilah kunci pandangan alam Islam, pentafsiran perkataan-perkataan Melayu dengan memanfaatkan tradisi keilmuan Islam serta penggunaan kaedah nahu Arab untuk menghuraikan nahu Melayu.

ABSTRACT

The contribution of Islam towards languages is immense. So much so, that it has produced several influential linguistic traditions of the world. However, the discourse on the influence of Islam on the foundational worldview and the framework of the linguistic tradition is not widely discussed. Historically, Islam has played a major role in the development of the Arabic language, and also other Islamic languages, such as the Malay language. Therefore, this thesis conducts a content research on the worldview and the framework in the work of *Kitab Pengetahuan Bahasa* by Raja Ali Haji (d. 1873M), a Malay scholar of the 19th century. This research is based on descriptive method, relying on the primary and secondary literatures, which explain the process of Islamization of languages that changed the foundational worldview of Arabic and Malay languages. This research also elaborates in detail the general framework of Islamic scientific tradition, which is based on *tafsīr-ta'wīl* rooted from al-Qur'an. Through the literature study, a brief history of the specific framework of Arabic and Malay linguistic traditions was summarised. Next, the content analysis of *Kitab Pengetahuan Bahasa* was conducted, to determine the underlying worldview and framework used by the author. The research concludes that the process of Islamization of language has a major role in uplifting Arabic to become the first Islamic language and establishing a monumental Arabic linguistic tradition, which in turn influenced the Malay language. The Islamization of the Malay language continues to occur through the introduction of key Arabic-Islamic terms and the shift of meanings and concepts of the available Malay key terms based on the worldview of Islam. Following its Islamization the Malay language was then influenced by the framework of Islamic scientific tradition, which is based on the *tafsīr-ta'wīl* method, as demonstrated in the works of Malay scholars starting from the 15th century onwards. *Kitab Pengetahuan Bahasa* is a testament to the undergoing process of Islamization of the Malay language and the influence of the framework of the Islamic tradition. This can be seen from Raja Ali Haji's detailed definitions of the seven key terms of the worldview of Islam, his interpretation of the Malay words from the Islamic traditional branches of knowledge, and his usage of Arabic grammar to systematise Malay grammar.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	DEKLARASI	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	ISI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xix
	SENARAI RAJAH	xx
	KAEDAH TRANSLITERASI	xxi
1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Kajian Lepas dan Pernyataan Masalah	4
	1.3 Tujuan Dan Cakupan Kajian	12
	1.4 Kaedah Kajian	16
	1.5 Sumber Kajian	17
	1.6 Kepentingan Kajian	19
2	Islamisasi dan Kemunculan Tradisi Keilmuan Bahasa Arab	21
	2.1 Pendahuluan	21
	2.2 Takrif Tradisi Keilmuan	22
	2.3 Dasar Tradisi Keilmuan Bahasa Islam	27
	2.3.1 Pandangan Alam dan Istilah Kunci	27
	2.3.2 Islamisasi Bahasa	31

2.3.3	Islamisasi Bahasa Arab	33
2.4	Kerangka Tradisi Keilmuan Bahasa Arab Islam	39
2.4.1	Kerangka Umum	40
2.4.2	Kerangka Khusus	45
2.5	Komuniti Ilmuan dalam Tradisi Keilmuan Bahasa Arab Islam	48
2.6	Sejarah Ringkas Tradisi Keilmuan Bahasa Arab Islam	53
2.7	Kesimpulan	58
3	ISLAMISASI DAN KEMUNCULAN	
	TRADISI KEILMUAN BAHASA MELAYU	61
3.1	Pendahuluan	61
3.1.1	Islamisasi Bahasa Selain daripada Bahasa Arab	62
3.1.2	Islamisasi Bukan Arabisasi	67
3.1.3	Islamisasi Bukan Pemeribumian	70
3.2	Islamisasi Bahasa Melayu	70
3.3	Kerangka Tradisi Keilmuan Bahasa Melayu Islam	75
3.3.1	Kerangka Umum	75
3.3.2	Kerangka Khusus	79
3.4	Komuniti Ilmuan dalam Tradisi Keilmuan Bahasa Melayu Islam	83
3.5	Sejarah Ringkas Tradisi Keilmuan Bahasa Melayu Jawi	91
3.6	Kesimpulan	102
4	ANALISIS <i>KITAB PENGETAHUAN BAHASA</i>	104
4.1	Pendahuluan	104
4.2	Latar Belakang Keilmuan Raja Ali Haji	105
4.3	Dasar Pandangan Alam Kitab Pengetahuan Bahasa	115
4.3.1	<i>Allah</i>	116
4.3.2	<i>Al-Nabī</i>	118
4.3.3	<i>Al-Aṣhāb</i>	120
4.3.4	<i>Al-Aḥbār</i>	120
4.3.5	<i>Al-Insān</i>	122
4.3.6	<i>Al-Ūlā</i>	123
4.3.7	<i>Al-Akhirat</i>	126
4.3.8	Rumusan	127

4.4	Kerangka Umum Keilmuan <i>Kitab Pengetahuan Bahasa</i>	128
4.4.1	Ilmu Kalām	130
4.4.2	Ilmu Taşawwuf	132
4.4.3	Ilmu Fiqh	134
4.4.4	Kesusasteraan Arab	136
4.4.5	Rumusan	137
4.5	Kerangka Khusus Keilmuan <i>Kitab Pengetahuan Bahasa</i>	137
4.5.1	Struktur Karya	140
4.5.2	Kaedah Nahu Bahasa Melayu Raja Ali Haji	142
4.5.2.1	<i>Ism</i> (Kata Nama)	144
4.5.2.2	<i>Fi ‘il</i> (Kata Kerja)	145
4.5.2.3	<i>Harf</i> (Kata Hubung)	147
4.5.2.4	Mubtada’ dan Khabar	148
4.5.2.5	Istilah-istilah Nahu	150
4.5.2.6	Jenis-jenis Perkataan	152
4.5.2.7	Kata Terbitan (<i>mushtaq</i>)	152
4.5.2.8	Kata Bunyi (<i>isim şawt</i>)	153
4.5.2.9	Kata Pembilang (<i>isim ‘adad</i>)	154
4.5.2.10	Kata Umum (<i>isim nakirah/isim kulli</i>)	154
4.5.2.11	Kata sifat	154
4.5.2.12	Kata penentu (<i>ifrād</i>)	155
4.5.2.13	Kata Pinjaman	155
4.5.2.14	Makna Sebenar atau Makna Kiasan	156
4.5.2.15	Bahasa yang halus dan bahasa yang kasar	157
4.5.2.16	Rumusan	158
4.6	Kesimpulan	159
5	KESIMPULAN	161
	RUJUKAN	168

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kaitan Antara Pandangan Alam dan Kerangka dalam Tradisi Keilmuan	39
2.2	Istilah Teknikal dalam Bidang Keilmuan Bahasa Arab	47
3.1	Statistik Perkataan Arab dalam Perbendaharaan Kata Melayu	65
3.2	Ulama Melayu yang Bermukim di Makkah	91
3.3	Penerbitan Lima Huruf Jawi daripada Huruf Arab	99
4.1	Senarai Ulama dalam Takrif <i>al-Aḥbār</i>	121
4.2	Istilah-istilah Nahu dalam <i>KPB</i>	149
4.3	Terbitan Perkataan Ubat	152

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Muka Hadapan Batu Bersurat Terengganu	84
4.1	Pecahan <i>Ism</i>	144
4.2	Pecahan <i>Fi'il</i>	145
4.3	Pecahan <i>Harf</i>	146

SENARAI TRANSLITERASI

Padanan Huruf Arab dengan Huruf Rumi

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ء	'	ض	Ḍ
ب	B	ط	Ṭ
ت	T	ظ	Ẓ
ث	Th	ع	'
ج	J	غ	Gh
ح	Ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	و	W
ش	Sh	ه	H
ص	Ṣ	ي	Y

Pemvokalan huruf Arab dengan huruf Rumi

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
اَ	A	ا	Ā/ā
اِ	I	ي	Ī/ī
اُ	U	و	Ū/ū

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Keluhuran sesuatu bahasa itu dapat ditentukan pada kemampuannya memerikan hakikat dan menyatakan maknanya dengan rinci dan jelas. Bahasa yang mencapai taraf ini dibentuk dengan kaedah nahu yang kemas dan sempurna yang menetapkan rangkaian perkataan itu supaya maknanya dapat ditafsir dengan tepat dan jitu. Bahasa yang mencapai taraf luhur sebegini mempunyai satu penulisan rasmi yang bersifat sistematik dan digunakan oleh para ilmuwan bahasa tersebut bagi menyuratkan karya-karya ilmiah. Penerbitan, penghidupan dan pelestarian bahasa yang luhur ini hanya dapat dicapai dengan terdapatnya tradisi keilmuan yang hidup dalam sesuatu tamadun.

Sesuatu yang teristimewa bagi tamadun Islam ialah wahyu al-Qur'an, yang menjadi pusat seluruh tradisi keilmuan yang terbit daripadanya. Pada dasar pandangan alam Islam, al-Qur'an adalah seluhur-luhur bahasa yang menduduki setinggi-tinggi wibawa keilmuan. Al-Qur'an berperanan memerikan mercu hakikat kewujudan, yakni hakikat ketuhanan; hakikat sekalian makhluk dan alam; kedudukan diri insan, serta hubungan para makhluk dengan Tuhannya; dan memberitakan jalan yang benar untuk dilaluinya dan jalan yang batil untuk dijauhinya. Al-Qur'an, yang merupakan kata-kata Tuhan Yang Maha Esa, merupakan tanzil yang dinyatakan dalam *bahasa Arab yang baharu* dan ditafsirkan dan disampaikan dalam Sunnah serta dipelihara dalam penggunaannya yang asli dalam tradisi keilmuan yang bermula sejak zaman Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayhi wa sallām* dan para sahabat

baginda *radiya'LLāh 'anhum*. Bermula dari awal kemunculan Islam ini lagi, sudah muncul tradisi keilmuan yang begitu unggul yang tercatat dalam sejarah ketamadunan dunia, yang terdiri daripada bidang ilmu tafsir, ilmu kalam, ilmu fiqh dan ilmu bahasa serta perkamusan. Karya-karya ilmiah pelbagai bidang dari tradisi keilmuan Islam ini termaktub dalam bahasa Arab.

Pada tahap ini untuk dibezakan antara bahasa Arab Jahiliyyah dan bahasa Arab al-Qur'an selepas Islam. Bahasa Arab pada zaman Jahiliyyah merupakan bahasa yang terhad penggunaannya kepada kaum Arab tempatan. Meskipun bahasa Arab Jahiliyyah digunakan untuk mengungkapkan syair-syair Arab, namun tidak dikesani hasil karya keilmuan yang jelas daripada bahasa Arab sebelum Islam ini. Hanyalah selepas kedatangan Islam dengan penurunan al-Qur'an, maka bermulalah peranan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan menjadikannya bahasa universal Islam. Hal ini berlaku dengan gerak daya pengaruh Islam terhadap sesuatu bahasa, dan gerak daya ini dinamakan *Islamisasi Bahasa*, yang berlaku dengan pengenalan konsep-konsep asasi Islam ke dalam pandangan alam insan. Disebabkan konsep-konsep asasi ini berkait dengan makna-makna yang berangkaian dalam sesuatu peristilahan dasar, maka Islamisasi bahasa dapat ditinjau dengan pengubahan makna peristilahan-peristilahan dasar sesuatu bahasa tersebut kepada makna yang menuruti pandangan alam Islam seperti yang ditayangkan oleh al-Qur'an. Justeru itu, bahasa Arab menjadi bahasa Islam yang pertama. Sesuai dengan sifat bahasa Arab yang mempunyai sistem akar kata yang membolehkan makna sesuatu istilah ditinjau secara saintifik, maka bahasa Arab mempunyai tapak yang subur untuk pembinaan kerangka keilmuan yang kukuh. Dengan sifat ini, tinjauan makna dalam kerangka umum keilmuan bahasa Arab dilakukan dengan kaedah tafsīr-ta'wīl yang menolak duga-dugaan atau syak wasangka, justeru menuntut capaian keyakinan berlandaskan ilmu yang benar.

Islamisasi bahasa juga berlaku terhadap kaum Muslimin bukan Arab yang menerima Islam. Ia berlaku dengan kemasukan peristilahan dasar dari bahasa Arab-Islam ke dalam sesuatu bahasa dan perubahan makna istilah-istilah kunci tempatan yang sedia ada untuk menuruti konsep dan makna pandangan alam Islam. Bahasa yang melalui gerak daya ini digolongkan dalam bahasa Islam. Antara bahasa Islam

yang utama ialah Parsi, Urdu, Turki, Melayu, Swahili dan Hausa. Serentak dengan Islamisasi ini, maka tradisi keilmuan bahasa Arab turut memberi pengaruh kepada tradisi keilmuan bahasa tempatan. Hal ini terbukti dengan terdapatnya karya-karya kaedah nahu bahasa Islam yang menggunakan kerangka keilmuan bahasa Arab. Bahkan, penggunaan huruf Arab bagi menyuratkan bahasa Islam tersebut juga salah satu lagi bukti nyata pengaruh keilmuan bahasa Arab terhadap bahasa-bahasa Islam, hingga hampir keseluruhan kaum Muslimin berpengalaman menggunakan huruf Arab sebagai huruf rasmi bahasa mereka.

Bahasa Melayu, terpilih menjadi salah satu bahasa yang diislamkan. Sebelum Islam menyerap mesra ke dalam ruhani insan Melayu, tidak ada nama atau tulisan yang khas untuk bahasa ini, mahupun ilmunan dan tradisi keilmuan bahasa Melayu yang jelas. Dengan gerak daya Islamisasi, maka terbit tulisan Jawi yang menjadi tulisan rasmi untuk bahasa Melayu, serentak dengan penghasilan karya yang dikarang oleh ulama dalam pelbagai bidang keilmuan. Melalui bidang ilmu taşawwuf dan kalām, istilah-istilah kunci Islam diperkenalkan dan ia justeru mengubah pandangan alam bangsa Melayu. Perkembangan ilmu ini juga telah menghidupkan sebuah tradisi keilmuan yang mencetuskan aliran bahasa yang rasional dan saintifik yang sebelum ini tidak pernah terdapat dalam sejarah bahasa Melayu

Tokoh persuratan Melayu yang baharu ini diawali oleh Ḥamzah Fansūrī (m. 1590M) yang bergiat dalam keilmuan taşawwuf pada abad ke-16. Ia kemudian dituruti oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (m. 1658M), seorang ulama yang profilik yang menghasilkan pelbagai karya Melayu-Jawi, mencakupi bidang taşawwuf, falsafah, aqidah, fiqh, ketatanegaraan dan sejarah. Tradisi keilmuan bahasa Melayu bertambah pesat dengan keberadaan karya tafsīr-terjemahan lengkap al-Qur'an yang diusahakan oleh 'Abd al-Ra'ūf al-Fanşūrī (m. 1693M) yang dinamakan *Tarjumān al-Mustafīd*. Selanjutnya, pada abad ke-18, muncul tokoh-tokoh ulama Melayu yang bermukim di Makkah yang menulis karya keilmuan Melayu-Jawi dalam bidang ilmu kalām, yang mana disiplin ilmu ini menuntut bahasa yang jelas dan tepat bagi memerikan sifat-sifat Tuhan dan hakikat kewujudan alam secara mendalam. Antara tokohnya yang utama ialah Muḥammad Zayn Fāqih Jalāl al-Dīn al-Āshī (m. 1756M) yang mengarang kitab *Bidāyat al-Hidāyah*, yakni terjemahan pertama *Matan Umm al-*

Barāhin oleh Imām al-Sanūsī Abū ‘Abdu’Llāh Muḥammad, m. 1490M). Selanjutnya, ia disusuli oleh Dāwūd bin ‘Abdu’Llāh al-Faṭānī (m. 1847M) yang juga merupakan salah seorang ulama yang utama dalam tradisi keilmuan bahasa Melayu-Jawi yang mengarang pelbagai kitab ‘aqidah, fiqh dan sejarah yang digunakan secara meluas di Alam Melayu.

Dengan kepesatan perkembangan tradisi keilmuan bahasa Melayu sejak abad ke-16, maka terdapat keperluan untuk menghasilkan sebuah karya keilmuan yang membahaskan perihal nahu, perkataan dan sifat bahasa Melayu yang menerima pengaruh besar Islam ini. Justeru itu, pada pertengahan abad ke-19, telah muncul seorang ulama Melayu pertama yang menghasilkan karya keilmuan mengenai bidang bahasa Melayu, iaitu Raja Ali Haji (m. 1873M). Karya yang dimaksudkan ialah *Kitāb Pengetahuan Bahasa: Kamus Lughah Melayu Johor, Pahang, Riau dan Lingga* yang merupakan huraian nahu bahasa Melayu yang memakai kaedah nahu bahasa Arab dan pentakrifan rinci perkataan-perkataan bahasa Melayu. Walaupun pentakrifan perkataan tersebut hanya diselesaikan dari huruf *Alif* (ا) hingga ke huruf *Chā’* (چ) kerana kemangkatan pengarang, namun dasar pandangan alam dan kerangka keilmuan umum dan khusus Raja Ali Haji dapat ditilik dan dianalisa. Bahkan, istimewa bagi *Kitāb Pengetahuan Bahasa* ialah perbahasan mengenai tujuh istilah kunci yang utama iaitu, *Allāh, al-Nabī, al-Aṣḥab, al-Aḥbar, al-Insān, al-Ūlā dan al-Ākhirah* yang merupakan peristilahan dasar atau kata kunci yang merangkumi pandangan ‘alam Islām. Karya ini merupakan karya yang pertama hasil keilmuan tempatan dalam bidang bahasa semenjak hampir 300 tahun kebangkitan bahasa Melayu-Islam yang disuratkan dalam tulisan Jawi.

1.2 Kajian Lepas dan Pernyataan Masalah

Perubahan besar yang berlaku terhadap tradisi keilmuan bahasa Melayu seperti yang telah dijelaskan di atas terjadi setelah hadirnya Islam ke Alam Melayu dan ianya dapat disaksikan dengan bermulanya pengaruh bahasa Arab terhadap persuratan Melayu. Kajian mengenai pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu oleh sarjana dimulai oleh van Ronkel (m. 1954M) pada tahun 1899, yang

menyimpulkan bahawa terdapatnya unsur bahasa Arab yang jelas terhadap gaya bahasa dan perkataan Melayu disebabkan oleh keintiman pengarang Melayu dengan bahasa Arab.¹ Kajian-kajian awal mengenai pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu diteruskan oleh M.A.J. Begg melalui karyanya, *Arabic Loan Words in Malay: A Comparative Study*, yang mana beliau telah mengumpulkan istilah-istilah Arab yang terkandung dalam perbendaharaan bahasa Melayu, justeru menyimpulkan istilah-istilah Arab ini merupakan istilah-istilah Islam yang utama, yang mana juga terdapat dalam bahasa lain seperti Swahili, Hausa, Hindi dan Bengali.² Kajian lanjut mengenai perbendaharaan bahasa Arab dalam bahasa Melayu juga dilakukan oleh Amran Kasimin, *Perbendaharaan Kata Arab dalam bahasa Melayu* yang menyatakan bahawa perkataan-perkataan Arab di dalam bahasa Melayu digunakan secara meluas sama ada dalam bahasa pertuturan harian dan bahasa ilmiah, yang menjadi bahasanya yang tersendiri.³ Senarai terkini perbendaharaan perkataan Arab dalam bahasa Melayu dan Indonesia telah dilakukan dalam projek *Indonesian Etymological Project* yang diselia oleh Russell Jones di bawah judul *Loan-Words in Indonesian and Malay*.⁴

Sungguhpun begitu, terdapat pendirian negatif terhadap sumbangan bahasa Arab ini, yang sekaligus memberi gambaran yang tidak tepat terhadap sumbangan Islam untuk bahasa Melayu. Contoh pendirian sebegini dapat dilihat dalam kajian pengaruh bahasa Arab dari segi perkataan, nahu dan gaya yang telah dilakukan oleh Peter G. Riddell melalui karya terjemahan-tafsir *Tarjumān al-Mustafīd* oleh ‘Abd al-Ra‘ūf al-Fanṣūrī (m. 1693M), di dalam tesisnya, *‘Abd al-Ra‘ūf al-Singkilī’s Tarjumān al-Mustafīd: A Critical Study of His Treatment of Juz’ 16*⁵ yang kemudian

¹ Ronkel, Ph. S. van. 1899. “Over de invloed der Arabische sytanxis op de Maleische”. *Tijdschrift voor Indische Taal-, Land- en Volkenkunde* 41.498–528, seperti dikutip oleh Nico Kaptein, *Arabic Influence on Malay Linguistics*, Sylvain Aurox (ed.) *History of the Language Sciences / Geschichte der Sprachwissenschaften*, (Berlin: Walter de Gruyter, 2000), ms. 333-336.

² M.A.J. Begg, *Arabic Loan Words in Malay: A Comparative Study* (Kuala Lumpur: Penerbit UKM, 1979; Penerbit Universiti Malaya, 1983).

³ Amran Kasimin, *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit UKM, 1987).

⁴ Indonesian Etymological Project, Russell Jones (ed.), *Loan-Words in Indonesian and Malay* (Leiden: KITLV Press, 2007).

⁵ Peter Riddell, *‘Abd al-Ra‘ūf al-Singkilī’s Tarjumān al-Mustafīd: A Critical Study of His Treatment of Juz’ 16* (Tesis PhD., Australia National University, 1984).

diterbitkan dengan tajuk *Transferring a Tradition: 'Abd al-Ra'ūf al-Singikli's Rendering into Malay of Jalālayn Commentary*.⁶ Berdasarkan contoh terjemahan surah Maryam (19): 68 yang terdapat dalam *Tarjumān al-Mustafīd*, beliau menyimpulkan bahawa terjemahan bahasa Melayu tersebut sebagai:

*... overall clumsiness caused by strict fidelity to Arabic word order, evidence of interference from the Arabic systems for signalling number and aspect, and unusual usage of the Malay preposition "atas" under the influence of Arabic 'alā.*⁷

Pandangan Peter G. Riddell di atas ini dapat dilihat kesamaan nadanya seperti yang telah diungkapkan lebih awal oleh Richard Winstedt dalam *A History of Classical Malay Literature*, yang menyebutkan bahawa:

*A detailed review of some of the principal Islamic contributions to Malay literature is necessary to show how wide was the new field opened and at the same time how unscholarly and popular most of the the works were and how, apart from the enlargement of vocabulary, they came to exercise on Malay style an influence incresingly bad.*⁸

Daripada petikan tersebut, Windstedt menyebutkan bahawa dengan kedatangan Islam, bahasa Melayu menjadi kurang ilmiah dan menyebabkan mutu bahasanya semakin rendah. Menurutnya lagi, sungguhpun dengan keberadaan perbendaharaan kata yang dipinjamkan daripada bahasa Arab, gaya bahasa Melayu menjadi semakin

⁶ Peter Riddell, *Transferring a Tradition: 'Abd al-Ra'ūf al-Singikli's Rendering into Malay of Jalālayn Commentary* (Berkeley: Centres for South and Southeast Asian Studies, 1990).

⁷ Peter Riddell, *'Abd al-Ra'ūf al-Singikli's Tarjumān al-Mustafīd: A Critical Study of His Treatment of Juz' 16* (Tesis PhD., Australia National University, 1984), ms. 122. Petikan terjemahan *Tarjumān al-Mustafīd* tersebut ialah:

Mereka itulah segala mereka itu yang telah di-beri Allah ni'mat atas mereka itu...
Maryam (19):58

⁸ Richard Windstedt, *A History of Classical Malay Literature*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1961, 1969), ms. 91.

teruk kerana para pengarang Melayu cenderung menggunakan kaedah bahasa Arab yang asing itu di dalam karya-karya persuratan dan keilmuan Melayu. Perincian pandangan beliau ini dapat diperhatikan dalam ulasan beliau tentang terjemahan *Tāj al-Salātin*, yang mana beliau menyenaraikan kelemahan karya ini seperti berikut:

- i. penggunaan “*dan*” yang berulang-ulang
- ii. cenderung menggunakan pemerian (*relative clause*) yang mengelirukan
- iii. menggunakan kata hubung “atas” dan “pada” bukan pada tempatnya
- iv. menggunakan kata sifat untuk kata nama.
- v. kesalahan penggunaan perkataan Melayu
- vi. pemisahan subjek atau objek daripada kata kerja⁹

Dapat difahami juga daripada perincian di atas ini, bahawa Windstedt melakukan penyamarataan antara pengaruh Islam dengan Arabisasi bahasa Melayu, justeru mengakibatkan segala sifat-sifat bahasa Arab itu dipungah masuk ke dalam karya persuratan Melayu dan menjelmakan gaya persuratan Melayu yang asing, yang tidak kena dengan gaya Melayu yang sepatutnya.

Hal yang sama juga diungkapkan oleh Za‘ba, yang menggolongkan bahasa kitab Jawi sebagai “bahasa persuratan dagang”, yakni

...bahasa surat kacukan, iaitu dipenuhi terus menerus oleh gaya karangan dagang, resaman bahasa dagang dan cara ikatan ayat dagang; hanya perkataannya sahaja yang Melayu, itupun kerap kali banyak tercampur dengan perkataan dagang yang belum dikenal oleh orang Melayu...Orang yang menulis demikian ialah orang-orang ‘ālim yang pandai ‘Arab sahaja dan murīd-murīd mereka, diebabkan oleh itu terpengaruh oleh

⁹ Richard Windstedt, *A History of Classical Malay Literature*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1961, 1969), ms. 138.

gaya dan cara resaman bahasa ‘Arab yang banyak mereka baca dan pelajari.¹⁰

Daripada petikan Windstedt dan Za‘ba, yang merupakan tokoh berpengaruh dalam bahasa Melayu, dapat dilihat bahawa unsur-unsur bahasa Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu sebagai sesuatu yang asing dan merupakan satu gangguan terhadap pertumbuhan bahasa Melayu yang asli.

Sungguhpun begitu, penggunaan unsur bahasa Arab dalam penulisan karya bahasa Melayu klasik tidak boleh dianggap sesuatu yang asing dalam tradisi persuratan Melayu Jawi. Ini kerana, terdapat sebuah karya klasik Melayu-Jawi yang telah memanfaatkan sepenuhnya kerangka keilmuan bahasa Arab bagi menghuraikan bahasa Melayu secara sistematik. *Kitab Pengetahuan Bahasa* karangan Raja Ali Haji (m. 1873M) merupakan teks yang dimaksudkan dan ia menjadi karya utama kajian ini. Karya Raja Ali Haji ini ialah telah diterbitkan pertama kalinya oleh Matba‘ah al-Ahmadiyyah di Singapura pada tahun 1929 dalam tulisan Jawi sepenuhnya dalam 466 muka surat. Karya ini dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu *Muqadimmah* yang menghuraikan kaedah nahu bahasa Melayu yang disusun menurut kaedah nahu bahasa Arab, *al-Bāb al-Awwal* yang menjelaskan tujuh perkataan penting dalam bahasa Melayu secara mendalam dan *al-Bāb al-Thānī* yang menjelaskan takrif perkataan-perkataan Melayu dengan memetik pelbagai sumber keilmuan Islam. Sungguhpun karya ini besar dari segi bilangan muka suratnya, namun ia tidak sempat disiapkan kerana kemangkatan pengarangnya. *Kitab Pengetahuan Bahasa* telah diterbitkan semula Khazanah Fathaniyah pada tahun 2012 dengan mengekalkan rupa bentuk asal terbitan Matba‘ah al-Ahmadiyyah tahun 1929.¹¹

Kitab Pengetahuan Bahasa telah dirumikan sepenuhnya buat pertama kali oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Penelitian dan Pengkajian

¹⁰ Za‘bā, *Bahasa Melayu: Kelebihan dan Kekurangannya* (Kuala Lumpur: Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia, 2013), ms. 25-26.

¹¹ Raja Ali Haji, *Kitab Pengetahuan Bahasa* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2012). Selepas ini *KPB*.

Kebudayaan Nusantara, Bagian Projek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Melayu pada tahun 1986.¹² Pada tahun 2010, Hashim Musa¹³ sekali lagi melakukan perumian teks ini dan menyertakan pengenalan yang baharu dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dalam koleksi karya agung.

Kitab Pengetahuan Bahasa, telah mendapat pelbagai reaksi daripada sarjana. A. Teuww, seorang sarjana kesusasteraan Melayu yang terkenal telah memandang rendah karya ini dengan menyebutkan:

“ *Malay lexicographical work by Malays had its beginning with Raja Ali Haji (1928), although his Kitab Pengetahuan Bahasa can hardly be called a dictionary and, in any case, was only partly completed; it is rather a sort of unsystematic encyclopedia.*”¹⁴

Tuduhan A. Teuww dilihat tidak wajar kerana beliau tidak menyertakan apa-apa kajian ilmiah bagi menyokong dakwaan bahawa *Kitab Pengetahuan Bahasa* tidak disusun secara sistematik.

Harimurti Kridalaksana yang memperkenalkan karya ini ke khayalak ilmiah pada tahun 1983, telah menyimpulkan bahawa disebabkan Raja Ali Haji terdidik dalam tradisi keilmuan Arab-Islam, justeru beliau cenderung untuk menggunakan sistem bahasa Arab untuk menyusun sistem bahasa Melayu.¹⁵ Hal yang sama turut diungkapkan oleh Darwis Harahap yang melihat kaedah nahu Arab dalam *Kitab*

¹² Raja Ali Haji, *Kitab Pengetahuan Bahasa: Yaitu Kamus Logat Melayu Johor, Pahang, Riau, Lingga*, dalam huruf rumi (Pekanbaru: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara, Bagian Projek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Melayu 1986).

¹³ Raja Ali Haji, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, Hashim Musa (ed.), (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2010).

¹⁴ A. Teuww, *A Critical Survey of Studies on Malay and Bahasa Indonesia* (The Hague: Nijhoff, 1961), ms. 26.

¹⁵ Harimurti Kridalaksana, “Bustanul Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa – Sumbangan Raja Ali Haji dalam Ilmu Bahasa Melayu”, *Tradisi Johor-Riau: Kertas Kerja Hari Sastera Johor* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983) ms. 70-83.

Pengetahuan Bahasa sebagai sesuatu yang berlainan daripada bahasa Melayu yang digunakan kini.¹⁶

Penghargaan terhadap *Kitab Pengetahuan Bahasa* dari segi sumbangannya kepada falsafah dan pemikiran Melayu telah dirumuskan oleh Hashim Musa, dengan menyebutkan bahawa, dengan pengetahuan akan tujuh perkataan kunci yang terdapat dalam *al-Bāb al-Awwal*:

“... seorang Melayu Islam akan memperoleh ilmu yang dapat menerangkan tempat letak dirinya yang tepat dan benar dalam hierarki kewujudan (ontologi), hierarki kejadian dan penciptaan alam semesta (kosmologi) dan hierarki ilmu dan pengetahuan (epistemologi).”¹⁷

Dalam pengenalan baharu bagi karya *Kitab Pengetahuan Bahasa* ini, beliau telah mengangkat sumbangan Raja Ali Haji ini sebagai,

“... bukan sahaja merupakan ilmuwan Melayu yang pertama yang menulis tentang pengajian bahasa Melayu, tetapi juga telah meletakkan asas pengajian bahasa Melayu pada tempat yang sebenar, iaitu sebagai ilmu alat untuk memperolehi ilmu yang benar yang akan membawa kepada keyakinan dan ketakwaan.”¹⁸

Hashim Musa turut membandingkan hasil kajian sarjana Barat terhadap bahasa Melayu dengan *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang sungguhpun muncul agak lewat dalam susur galur sejarah keilmuan bahasa Melayu, namun ia tidak langsung menunjukkan pengaruh kaedah kajian Barat terhadap bahasa Melayu yang

¹⁶ Darwis Harahap, “Bustanul Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa: Satu Tinjauan” *Jurnal Dewan Bahasa* Jilid 36 bil. 3, Mac 1992 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1992).

¹⁷ Hashim Musa, “Antara Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu Masyarakat Melayu Lama dengan Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu Kini: Manifestasi Kehilangan Konsep Adab dan Budi Bahasa,” *Jurnal Dewan Bahasa*, jil. 38, bil. 5 (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).

¹⁸ Raja Ali Haji, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, Hashim Musa (ed.) (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2010), ms. xii.

dimulakan bermula dari abad ke-16 lagi.¹⁹ Walaupun begitu, dalam pengenalan *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang diusahakan oleh beliau, Hashim Musa dilihat tidak menjawab balas kritikan sumbangan ilmiah Raja Ali Haji terhadap perkembangan tradisi keilmuan bahasa Melayu yang nyata berbeza dasar pandangan alam dan kerangka keilmuan dengan pengkaji-pengkaji Barat yang mendahuluinya.

Perbandingan antara tradisi keilmuan Barat dan tradisi keilmuan Arab-Islam dalam konteks bidang keilmuan bahasa Melayu kemudian dibincangkan oleh Tarmizi Hasrah.²⁰ Beliau telah mengambil *Kitab Pengetahuan Bahasa*, Raja Ali Haji (m. 1873M) dan *A Dictionary and Grammar of Malayan Languages* oleh William Marsden (m. 1836M) bagi melihat, "...cara-gaya pemerian kedua-dua tradisi dalam memerikan dan menganalisis nahu bahasa Melayu."²¹ Daripada hasil kajiannya, Raja Ali Haji dilihat menjadikan bahasa Arab sebagai wibawa utama bagi menyusun dan mensistemkan bahasa Melayu, sesuai dengan "paradigma" keilmuannya yang menganggap bahasa perlu sesuai dengan fungsi keagamaan. Bahkan bahasa Melayu perlu menuruti sifat keilmuan bahasa Arab yang jauh lebih pesat daripada bahasa Melayu, justeru menyebabkan hasil pensisteman dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* tidak menampakkan sifat dan rupa sebenar bahasa Melayu, melainkan ia telah dibentuk secara langsung daripada ilmu linguistik bahasa Arab tersebut. Oleh itu, Tarmizi Hasrah menyimpulkan bahawa Raja Ali Haji menerapkan pengaruh kaedah linguistik Arab-Islam yang memerikan bahasa Melayu dengan "apa yang sepatutnya" (*what ought to be*).²²

Pandangan-pandangan di atas terhadap pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu dilihat telah membina satu salah faham terhadap wacana peranan Islam terhadap bahasa Melayu, melalui pengaruh tradisi keilmuan bahasa Arab. Ini disebabkan, pengaruh Islam cuba disamaratakan secara mudah dengan pengaruh

¹⁹ Raja Ali Haji, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, Hashim Musa (ed.) (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2010), ms. xx.

²⁰ Tarmizi Hasrah, "Tradisi Linguistik Barat Dan Arab Di Malayonesia Abad Ke-19" *Jurnal Melayu* bil. 13, 2014, ms. 1-20.

²¹ Tarmizi Hasrah, "Tradisi Linguistik Barat Dan Arab Di Malayonesia Abad Ke-19" *Jurnal Melayu* bil. 13, 2014, ms. 1.

²² *ibid.* ms. 18.

Arab, maka gerak daya Islamisasi ini dianggap sebagai satu bentuk Arabisasi, hingga gangguan terhadap pertumbuhan bahasa Melayu yang asli itu. Akibatnya Islamisasi dipandang sebagai satu pengaruh luar yang negatif, tidak menyumbang kepada keaslian dan merendahkan mutu bahasa Melayu sendiri, selanjutnya tidak memberi sumbangan kepada peradaban Melayu, terutamanya dari segi keilmuan bahasa. Disebabkan oleh hal ini, sumbangan besar Islam dalam membentuk dan mencirikan tradisi keilmuan bahasa Melayu seolah-olah buntu dan cetek kerana tidak dapat menjelaskan titik penyambungannya, kerana masih beranggapan jambatan tradisi keilmuan bahasa Arab sebagai sesuatu yang asing. Dalam hal ini analisis terhadap *Kitab Pengetahuan Bahasa*, karya Raja Ali Haji merupakan medan terbaik untuk melihat peranan Islam, pengaruh tradisi keilmuan bahasa Arab dan bagaimana ia membentuk dan sekaligus mencerminkan tradisi keilmuan bahasa Melayu.

1.3 Tujuan dan Cakupan Kajian

Bagi menunjukkan bagaimana pengaruh Islam, melalui tradisi keilmuan bahasa Arab, membina satu tradisi keilmuan bahasa Melayu, maka terdapat keperluan bagi menjelaskan beberapa konsep utama yang mendasari perbincangan ini, iaitu konsep “Islamisasi bahasa” dan konsep “tradisi keilmuan”. Kedua-dua konsep ini bakal menjadi latar dan kerangka utama bagi analisis yang bakal dilakukan terhadap *Kitab Pengetahuan Bahasa*.

Kajian ini bakal didasarkan pada karya Syed Muhammad Naquib al-Attas²³ selaku tokoh yang menggagaskan konsep “Islamisasi bahasa”. Intisari utama konsep Islamisasi bahasa bertitik tolak daripada premis bahawa sesuatu konsep yang terkandung dalam pemikiran itu terkait dengan bahasanya, maka pengaruh Islam yang mengubah konsep-konsep asasi pemikiran itu dapat dilihat juga terhadap bahasanya. Justeru, dalam “Islamisasi bahasa” merupakan satu gerak daya, bagi menjelaskan bagaimana pengaruh Islam berlaku terhadap sesuatu bahasa, sehingga

²³ lihat Sumber Kajian di bawah untuk senarai karya rujukan beliau.

menerbitkan “bahasa Islam”. Kajian ini bakal memanfaatkan gagasan “Islamisasi bahasa” al-Attas kerana ia menepati tumpuan kajian ini dan bersandarkan kepada hakikat sejarah perkembangan bahasa Arab serta bahasa-bahasa Islam yang lain, seperti bahasa Melayu, yang juga merupakan tumpuan utama kajian ini. Selanjutnya, kajian ini turut memanfaatkan karya-karya Wan Mohd Nor Wan Daud²⁴ yang menghuraikan lebih lanjut gagasan “Islamisasi bahasa”. Syarahan mendalam beliau terhadap gerak daya “Islamisasi bahasa” sebagai satu gerak daya yang tidak asing atau merosakkan keaslian sesuatu bahasa, tetapi telah mengislahkan bahasa itu menjadi bahasa yang lebih luhur, amat penting dalam memahami kenapa terdapatnya unsur bahasa Arab yang digunapakai dalam kerangka tradisi keilmuan bahasa Melayu.

Kajian ini juga akan dirangka dengan kaedah kajian tradisi keilmuan yang dirintis oleh Arparslan Açıkgenç,²⁵ yang menjelaskan tiga unsur utama tradisi keilmuan Islam, yang terdiri daripada:

1. Dasar pandangan alam
2. Kerangka keilmuan umum
3. Kerangka keilmuan khusus.

Setiap satu unsur utama yang membina sesuatu tradisi keilmuan ini akan ditinjau dan dirumuskan dan akan dipetakan dalam bentuk aliran sejarah, bagi mendapatkan kefahaman yang mendalam tentang pertumbuhan dan pelestariannya.

Justeru itu, bagi mendalami konsep “Islamisasi bahasa” dan bagaimana ia mencetuskan sebuah tradisi keilmuan, tinjauan ringkas terhadap pertumbuhan dan pelestarian tradisi keilmuan bahasa Arab akan dilakukan dalam bab yang kedua. Ketiga-tiga unsur yang menjadikan teras tradisi keilmuan bahasa Arab akan dibentangkan dan kajian ini juga bakal menyelidik bagaimana al-Qur’an memberi

²⁴ lihat Sumber Kajian di bawah untuk senarai karya rujukan beliau.

²⁵ lihat Sumber Kajian di bawah untuk senarai karya rujukan beliau.

pengaruh yang besar terhadap gerak daya “Islamisasi bahasa”, sekaligus memunculkan begitu banyak karya dan tokoh keilmuan bahasa Arab yang menjadi tonggak kepada tradisi keilmuan bahasa Islam yang pertama ini.

Dengan rumusan dan iktibar tentang perkembangan tradisi keilmuan bahasa Arab tersebut, maka perkembangan tradisi keilmuan bahasa Melayu bakal dirumuskan dalam bab yang ketiga. Sekali lagi, konsep “Islamisasi bahasa” akan diberikan tumpuan yang mendalam dan melihat bagaimana gerak daya ini menerbitkan sebuah bahasa Islam yang baharu. Sepertimana yang telah dilakukan dalam bab yang kedua, bab yang ketiga ini bakal meninjau bagaimana perkaitan antara tradisi keilmuan bahasa Arab dan pertumbuhan serta pelestarian tradisi keilmuan bahasa Melayu berlaku dengan menyertakan karya-karya dan tokoh-tokoh yang utama dalam tradisi ini. Sesuatu yang istimewa dalam tradisi keilmuan bahasa Melayu ialah penerbitan dan penggunaan huruf Jawi secara meluas yang menjadi perangkum kepada tradisi keilmuan bahasa Melayu yang baharu ini, justeru kajian ini akan memberi tumpuan yang khusus, bagi menilik kedalaman dan keintiman pengaruh tradisi keilmuan bahasa Arab yang berpunca daripada gerak daya “Islamisasi bahasa”.

Dengan latar konsep “Islamisasi bahasa” dan pertumbuhan dan pelestarian tradisi keilmuan berdasarkan unsur dasar pandangan alam, kerangka umum dan khusus yang membentuk sesuatu tradisi keilmuan, maka kajian ini mengkaji hipotesis: “apakah *Kitab Pengetahuan Bahasa*, Raja Ali Haji (m. 1873M) merupakan hasil gerak daya “Islamisasi bahasa”?” Justeru itu, dalam bab yang keempat, teks ini bakal dianalisis bagi menjelaskan ketiga-tiga unsur tradisi keilmuan yang menjadi teras pengarang karya, dalam percubaan untuk menjawab hipotesis tersebut. Setiap aspek pengarang *Kitab Pengetahuan Bahasa* akan ditinjau, bermula daripada latar belakang keilmuan Raja Ali Haji dan tujuan pengarang karya ini, kemudian disusuli dengan bentuk dan susunan karya ini. Dasar pandangan alam yang dirangkum dalam *al-Bāb al-Awwal*, *Kitab Pengetahuan Bahasa* akan dihuraikan dan dikaitkan dengan unsur tradisi keilmuan, begitu juga kerangka umum dan khusus tradisi keilmuan yang digunapakai oleh Raja Ali Haji dalam mempersembahkan kaedah takrif serta kaedah nahu bagi tradisi keilmuan bahasa Melayu. Di akhir bab

yang keempat, kajian ini bakal menentukan letak duduk *Kitab Pengetahuan Bahasa* dalam pensejarahan tradisi keilmuan bahasa Melayu, kaitan tradisi keilmuan bahasa Arab serta menyimpulkan hasil gerak daya “Islamisasi bahasa” yang berlaku terhadapnya.

1.4 **Persoalan Kajian**

Bagi menyelesaikan permasalahan yang dilontarkan di atas, maka kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah bentuk pengaruh al-Qur’an terhadap bahasa?
2. Bagaimanakah al-Qur’an merubah bahasa Arab menjadi sebuah tradisi keilmuan yang agung?
3. Bagaimanakah tradisi keilmuan bahasa Arab berlangsung dan berlestari selama ratusan tahun?
4. Apakah takrif bahasa Islam?
5. Bagaimanakah al-Qur’an, melalui bahasa Arab, memberi pengaruh kepada bahasa-bahasa Islam?
6. Apakah bentuk tradisi keilmuan bahasa-bahasa Islam setelah menerima pengaruh bahasa Arab al-Qur’an ini?
7. Apakah Islamisasi satu bentuk Arabisasi? Atau bolehkah Islam dibentuk menurut pandangan alam bangsa atau peradaban tempatan melalui pemeribumian Islam?

Dengan rumusan dasar dan kerangka yang jelas terhadap tradisi keilmuan dan bahasa Islam, maka tinjauan selanjutnya akan dibuat terhadap kenyataan sejarah bahasa Melayu, yang dirangkai dengan persoalan berikut:

1. Bagaimanakah gerak daya Islam menerbitkan bahasa Melayu moden?
2. Apakah kerangka tradisi keilmuan yang digunapakai oleh para ilmuwan bahasa Melayu

Justeru itu, dengan rumusan yang lengkap hasil daripada persoalan-persoalan yang dikemukakan di atas ini, maka penulis akan melakukan tinjauan terhadap *Kitab Pengetahuan Bahasa*, Raja Ali Haji yang mana akan menyingkap persoalan:

1. Kenapakah karya seperti *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang dikarang oleh Raja Ali Haji ini terdapat dalam persuratan Melayu menggunakan kaedah ilmu bahasa Arab baik dari segi susunan, kaedah nahu dan pentakrifan perkataannya?
2. Kenapakah karya *Kitab Pengetahuan Bahasa* ini muncul agak lewat dalam sejarah ratusan tahun bahasa Melayu Jawi (abad ke-19), dan ia dituruti dengan persoalan:
3. Apakah para ilmuwan sebelum Raja Ali Haji tidak mempunyai tradisi keilmuan bahasa yang tersendiri?
4. Di samping itu, apakah bentuk ketokohan dan kewibawaan yang dipunyai Raja Ali Haji sehingga beliau dapat menghasilkan sebuah karya yang tidak didapati penyusunannya sebelum beliau?

1.5 Kaedah Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan analisis deskriptif untuk menghuraikan gerak daya Islamisasi bahasa yang merubah dasar pandangan alam bahasa Arab dan bahasa Melayu, bersumberkan data-data kepustakaan karya Syed Muhammad Naquib al-Attas dan dihuraikan lebih lanjut oleh Wan Mohd Nor Wan Daud. Kajian ini akan memanfaatkan aspek-aspek tradisi keilmuan yang dihuraikan oleh Arparslan, iaitu dasar pandangan alam, kerangka keilmuan umum dan khusus sebagaimana yang dibincangkan dalam buku *Islamic Scientific Tradition*,³⁷ bagi menganalisis kandungan *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Seterusnya, kajian ini akan mengambil pendekatan analisis deskriptif untuk menjelaskan kerangka tradisi keilmuan Islam yang berasaskan kaedah *tafsīr-ta'wīl* yang berakar daripada al-

³⁷ lihat sumber kajian di bawah.

Qur'an. Dengan tinjauan kepustakaan daripada sumber-sumber primer dan sekunder, pensejarahan kerangka khusus tradisi keilmuan bahasa Arab dan bahasa Melayu akan dirumuskan. Selanjutnya, kaedah analisis kandungan (*content analysis*) *Kitab Pengetahuan Bahasa* digunakan bagi menyelidiki dasar pandangan alam dan kerangka keilmuan yang melatari karya pengarang Raja Ali Haji ini.

1.6 Sumber Kajian

Kajian ini akan berdasarkan konsep Islamisasi bahasa melalui karya-karya Syed Muhammad Naquib al-Attas seperti yang terdapat dalam *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*;³⁸ *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*;³⁹ *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*;⁴⁰ *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan 'Alam*;⁴¹ *Prolegomena to the Metaphysics of Islām: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islām*;⁴² dan *Historical Fact and Fiction*.⁴³ Syarahan mengenai konsep Islamisasi bahasa oleh Wan Mohd Nor Wan Daud akan dipetik daripada karya *Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*⁴⁴ yang juga diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan judul *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-*

³⁸ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968).

³⁹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972).

⁴⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1999).

⁴¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2007).

⁴² Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islām: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islām*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2014).

⁴³ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Fact and Fiction*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2011).

⁴⁴ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*, (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998).

Attas;⁴⁵ *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa*;⁴⁶ *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan Edisi Kedua*;⁴⁷ *Iklim Intelektual di Andalusia*⁴⁸ dan *Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip Durr al-Farā'id* Karangan Sheikh Nuruddin al-Rānirī.⁴⁹ Daripada karya-karya Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Wan Mohd Nor Wan Daud yang sama ini, faham mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa Islam juga dipetik sebagai kerangka pensejarahan. Penulis juga akan memanfaatkan karya Arparslan Açikgenç sebagai kerangka untuk memahami konsep tradisi keilmuan, melalui karyanya *Islamic Scientific Tradition in History*⁵⁰

Selanjutnya, *Kitab Pengetahuan Bahasa*⁵¹ karya Raja Ali Haji yang digunakan di sini ialah salinan terbitan oleh Matba'ah al-Ahmadiyah/Al-Ahmadiyah Press, 82 Jalan Sultan Singapura pada tahun 1345H/1927M yang siap dicetak pada 1348H/1929M. Karya ini dikeluarkan semula oleh Khazanah Fathaniyah pada tahun 1996 dan dicetak semula pada tahun 2010. Edisi yang dikeluarkan oleh Khazanah Fathaniyah ini mempunyai 466 muka surat asal yang sepenuhnya ditulis dalam tulisan Jawi dan ditambah dengan Muqadimmah dan Sejarah Ringkas Mathba'ah al-Ahmadiyah Singapura dan Raja Haji Umar bin Hasan (cucu Raja Ali Haji) yang dikarang oleh Hj Wan Mohd Saghir sebanyak 11 muka surat. Menurut Hj Wan Mohd Saghir, penerbitan *Kitab Pengetahuan Bahasa* oleh Matba'ah al-Ahmadiyah ini

⁴⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005).

⁴⁶ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).

⁴⁷ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan Edisi Kedua* (Singapura: Pustaka Nasional, 2007).

⁴⁸ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Iklim Kehidupan Intelektual di Andalusia: Satu Cerminan Islamisasi Dua-Dimensi* (Pulau Pinang: Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, 2007).

⁴⁹ Wan Mohd Nor Wan Daud dan Khalif Muammar, "Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip Durr al-Farā'id Karangan Sheikh Nuruddin al-Rānirī" *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2) (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).

⁵⁰ Arparslan Açikgenç, *Islamic Scientific Tradition* (Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2014).

⁵¹ Raja Ali Haji, *Kitab Pengetahuan Bahasa* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2012). Selepas ini *KPB*.

diusahakan oleh Raja Haji Umar bin Raja Hasan, berdasarkan persetujuan Raja Haji Ali bin Raja Muhammad/Tengku Nong, ketua syarikat penerbitan ini.⁵²

Hashim Musa yang melakukan transliterasi lengkap *Kitab Pengetahuan Bahasa*⁵³ ini telah menggunakan sumber salinan foto daripada mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya yang menurutnya sama sepertimana terbitan yang dikeluarkan semula oleh Khazanah Fathaniyah. Teks lengkap *Kitab Pengetahuan Bahasa* versi Matba'ah al-Ahmadiyyah tahun 1929M ini turut tersimpan di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah koleksi Asia Tenggara. Penulis pernah dimaklumkan oleh Hashim Musa pada tahun 2013 bahawa sehingga kini manuskrip asal *Kitab Pengetahuan Bahasa* belum lagi ditemui.⁵⁵

1.7 **Kepentingan Kajian**

Kajian ini akan diharap akan membangkitkan kembali perbahasan mengenai susur galur pensejarahan bahasa Melayu yang lahir dari tradisi keilmuan bahasa Islam. Setiap satu unsur yang menerbitkan tradisi keilmuan dalam sesuatu peradaban akan ditinjau secara tuntas dan kerangka ini berwibawa untuk diangkat sebagai model pelestarian bahasa Islam ini. Hakikat Islamisasi bahasa yang dijadikan teras dalam kajian ini akan menunjukkan bahawa akar tunjang bahasa Melayu Islam adalah berpasak teguh pada al-Qur'an justeru dapat menjadi tembok penahan daripada arus deras pensekularan yang jenuh berlaku dalam bidang bahasa. Huraian ilmiah mengenai pengaruh tradisi keilmuan Islam melalui bahasa Arab juga akan menjernihkan dakwaan yang menuduh bahawa Islamisasi itu satu bentuk Arabisasi

⁵² *KPB*, ms. 486.

⁵³ Raja Ali Haji, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, dirumikan dan diperkenalkan oleh Hashim Musa (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2012).

⁵⁵ Manuskrip *Kitab Pengetahuan Bahasa* berkemungkinan besar mempunyai entri yang melangkaui huruf Cha yang diterbitkan oleh Matba'ah al-Ahmadiyyah itu kerana Raja Ali Haji menerusi surat-surat yang dikirimkan kepada Von de Wall, menyatakan bahawa beliau telah selesai hingga huruf Ga. Lihat Bab 4 di bawah.

yang boleh membunuh sifat unik bahasa Melayu. Hasil analisis pandangan alam dan kerangka keilmuan Raja Ali Haji dan karya agungnya, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, model pensejarahan persuratan bahasa Melayu-Islam dapat diusulkan dan digunakan untuk kajian-kajian lanjut akan datang.

merangkaikan pembaca kepada pelbagai bidang ilmu dalam khazanah keilmuan Islam makna sesuatu perkataan itu dapat dijelaskan dengan rinci dan ilmiah. Terdapat rujukan kepada ilmu kalam, ilmu taşawwuf, ilmu fiqh dan kesusasteraan Arab yang digunakan sebagai *mufassar* (pentafsiran) terhadap pelbagai perkataan dalam karya ini. Raja Ali Haji sebagai seorang ilmunan, mempunyai wibawa tersendiri dalam mengupas pelbagai lapisan makna sesuatu perkataan, hasil daripada keluasan ilmunya serta ketajaman pemikirannya, yang berpunca kepada dasar pandangan alam Islam.

Dari segi kerangka khusus keilmuan pula, penulis mendapati bahawa sungguhpun Raja Ali Haji menggunakan tradisi khusus keilmuan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, tetapi ia tidak bermakna Raja Ali Haji cuba melakukan usaha Arabisasi terhadap bahasa Melayu. Ini disebabkan, beliau memanfaatkan kerangka keilmuan bahasa Arab sebagai rujukan ilmu yang bersifat universal dan saintifik. Hasil daripada penggunaan nahu Arab ke dalam nahu Melayu, pelbagai unsur bahasa Melayu seperti perkataan dan pembinaan ayat dapat disusun dan diperkemaskan dengan lebih teliti. Penulis berhujah bahawa kecenderungan yang sama juga dilakukan terhadap bahasa Melayu kini yang menggunakan kerangka keilmuan linguistik Barat untuk mensistem dan menghuraikan tatabahasa Melayu.

Daripada keseluruhan hasil kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa *KPB* merupakan satu hasil tradisi keilmuan bahasa Melayu Islam yang nyata sifat-sifatnya. Ini selanjutnya membuktikan bahawa Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk tradisi keilmuan bahasa Melayu, justeru tidak boleh diketepikan dan dipandangan enteng dalam pensejarahannya. Tradisi keilmuan bahasa Melayu ini mempunyai hubungan yang sangat akrab dengan tradisi keilmuan bahasa Islam yang pertama, yakni bahasa Arab yang mana kedua-dua bahasa ini terbina dengan dasar pandangan alam Islam yang bersumberkan al-Qur'an.

Dengan terdapatnya karya ini dalam sejarah kepustakaan tradisi keilmuan bahasa Melayu Islam yang bermata rantai dengan tradisi keilmuan bahasa Arab Islam, semakin kukuh pendirian yang menyatakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa Islam yang terbit daripada gerak daya Islamisasi yang berpunca daripada

perubahan pandangan alam menuturi rangkuman makna yang bersumberkan konsep-konsep asasi yang terikat-kemas dan terjalin-kukuh sepertimana yang ditayangkan oleh al-Qur'an, yakni seperti yang digagaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dan disyarahkan dengan lebih lanjut oleh Wan Mohd Nor Wan Daud.

RUJUKAN

- A. Harris, Khalif Muammar. 2011. "Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian terhadap Karya Raja Ali Haji" dalam *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, jil. 29. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A. Harris, Khalif Muammar. 2013. "Manhaj Dan Kerangka Pemikiran Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah" dalam *Kertas Kerja Seminar Permurnian Akidah 2013*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah.
- A. Harris, Khalif Muammar. 2015. "Ketatanegaraan Islam di Alam Melayu Abad ke-19" dalam Muhammad Zainiy Uthman (ed.), *Bunga Rampai Bangsa Kebangsaan & Patriotisme*. Kuala Lumpur: CASIS dan BTN, 2015.
- A'zami, Mustafa A. 2014. *The Hisotry of the Qur'ānic Text: From Revelation to Compilation, A Comparative Study with the Old and New Testaments 2nd Edition*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust..
- Abdul Halim, Khayrulrijal. 2015. *Kritikan Syed Muhammad Naquib Al-Attas Terhadap Falsafah Bahasa Barat Moden Dan Pascamoden*, Tesis Sarjana CASIS, UTM.
- Abdul Kadir Munsyi, Abdullah. 2007. *Hikayat Abdullah*, dikaji dan diperkenalkan oleh Kassim Ahmad. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Abdul Rani, Mohd Zariat. 2015. "Peranan dan Sumbangan Islam dan Hinduisme di Alam Melayu" dalam Muhammad Zainiy Uthman (ed.), *Bunga Rampai: Bangsa, Kebangsaan dan Patriotisme*. Kuala Lumpur: BTN dan CASIS.
- Açikgenc, Aparslan. 2000. *Scientific Thought and Its Burden*. Istanbul: Fatih University Press.
- Açikgenc, Aparslan. 2006. "The Emergence of Scientific Tradition in Islam" dalam Mohamed el-Gomati (ed.), *Foundation for Science Technology and Civilisation no. 627*. Manchester: FSTC Limited.
- Açikgenc, Aparslan. 2014. *Islamic Scientific Tradition*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia, (IKIM).

- Adamu, Abdalla Uba dan Dobronravin, N. *Ajami and Other Scripts from Arabic*, <https://www.saudiaramcoworld.com/issue/201105/images/ajami/ajami-map.pdf> (diakses 12 Julai 2015).
- Adeelar, Alexander K. 1992. "Proto-Malayic: The Reconstruction Of Its Phonology And Parts Of Its Morphology And Lexicon" dalam *Pacific Linguistics C-119*. Research School of Pacific Studies, Dept. of Linguistics, A.N.U.: Canberra.
- Adeelar, Alexander K. 2004. "Where does Malay come from? Twenty years of discussion about homeland, migrations and classifications" dalam *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde (BKI)* 160-1 (2004):1-30. Leiden: KITLV.
- Akimushikin, O.F. 1997. "On The Date of al-Şiḥāh al-Ajamiyya's Composition", *Manuscript Orientalia*, jil. 3 no. 2. St. Petersburg: Thesa.
- Al-Anbārī, Abī al-Barakāt Kamāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad. 1975. *Nuzhat al-Alibbā' fī Ṭabaqāt al-Udabā'*, Ibrāhīm al-Sāmara'ī (ed). Jordan: Maktabah al-Manār.
- Al-Andalusī, 'Abdu'LLāh al-Tarjumān. 1992. *Tuḥfat al-Arīb fī al-Radd 'alā Ahl al-Şalīb*, diperkenalkan, disunting dan dikaji oleh Maḥmūd 'Alī Ḥumāyah. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1968. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1984. *The Correct Date of Terengganu Inscription*, Muzium Negara, 1984.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqā'id of al-Nasafī*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1999. *Concept of Education in Islām*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1999.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2011. *Historical Fact and Fiction*. Kuala Lumpur: UTM Press, 2011.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2012. *Prolegomena to the Metaphysics of Islām*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2012.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2012. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2012.
- Al-Banjārī, Muḥammad Arshad. t.t., *Sabīl al-Muhtadīn*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Barkawī, Pīr ‘Alī. 2005, *The Path of Muḥammad: A Book on Islamic Moral and Ethics by Imam Birgivi*, terj. Tosun Bayrak. Indiana: World Wisdom, Inc.
- Al-Barkawī/Farkāwī/Birgivi, Muḥammad ibn Pīr ‘Alī, 1879. *Ṭarīqat al-Muḥammadiyyah fī al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Aḥmadiyyah*. Bombay: Sharaf al-Dīn al-Kutubī wa Awlādihi,
- Al-Fanṣūrī, ‘Abd al-Ra‘ūf. 1990. *Turjumān al-Mustafīd*, tashih Idrīs al-Marbawī. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Fanṣūrī, ‘Abd al-Ra‘ūf. 2014. *Turjumān al-Mustafīd*, tashih Wan Aḥmad al-Faṭānī. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Al-Fārābī, Abū Naṣr. 1948. *Iḥṣā al-‘Ulūm*, ‘Uthmān Amīn (ed.). Kaherah: Maktabah al-Anjalū al-Miṣriyyah.
- Al-Faṭānī, Aḥmad ibn Muḥammad Zayn ibn Muṣṭafā. (2012). *Tashīl Nayl al-Amānī fī Sharḥ al-‘Awāmil al-Jurjānī*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Al-Faṭānī, Dawūd ‘Abdu’Llāh. t.t. *al-Durr al-Thamīn*, ditashih oleh Ishāq ibn Ibrāhīm Minangkabawi dan Zayn al-‘Ābidīn ibn Ibrāhīm al-Azharī. Faṭānī: Maṭba‘ah ibn Halābī.
- Al-Faṭānī, Wan Aḥmad ibn Wan Muḥammad Zayn. 2005. *Ḥadiqat al-Azhar wa al-Rayāhīn*, dirumikan dan diperkenalkan oleh Wan Mohd Saghir. Khazanah Fathaniyah: Kuala Lumpur.
- Al-Faṭānī, Wan Aḥmad ibn Wan Muḥammad Zayn. 2009. *Farīdat al-Farā‘id fī ‘Ilm al-‘Aqā‘id*. Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah.
- Al-Faṭānī, Wan Dawūd ibn Wan ‘Abdu’Llāh. t.t. *Jawāhir al-Saniyyah fī Sharḥi al-Aqā‘id al-Dīniyyah wa Aḥkām al-Fiḥiyyah al-Marḍiyyah wa Ṭarīq al-Sulūk al-Muḥammadiyyah*. Faṭānī: Maṭba‘ah ibn Halābī.
- Al-Faṭānī, Wan Ismā‘īl ibn Wan ‘Abd al-Qādir. 2000. *Bakūrat al-Amānī*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Al-Fayrūzābādī, Majd al-Dīn Abī Ṭāhir Muḥammad ibn Ya‘qūb ibn Muḥammad. 1998. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Damsyik: Mu‘asasah al-Risālah.

- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. 2012. *Iḥyā' ‘Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Al-Jawharī, Abū Naṣr Ismā‘īl ibn Ḥammād. 1865M/1282H. *Tāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-‘Arabiyyah*, riwayat Abū Muḥammad Ismā‘īl ibn Muḥammad ibn ‘Abdūs al-Nīsābūrī, 2 jilid. Kaherah: Bulāq.
- Al-Rānīrī, Shaykh Nūr al-Dīn. 2011. *Laṭā’if al-Asrār li-Ahl Allāh al-‘Aṭyār of Nūr al-Dīn al-Rānīrī*, dirumikan, diterjemah dan diperkenalkan oleh Muhammad Zainiy Uthman, Kuala Lumpur: UTM Publisher..
- Al-Samarqandī, Naṣr ibn Muḥammad ibn Abū Layth. 1862. *Bustān al-‘Ārifīn*, bahagian tepi (hāmish) kitāb *Tanbīh al-Ghāfilīn*. Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Sanhājī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Muḥammad ibn Dawūd ibn Ajurrum. 1954. “Matan al-Ajrumiyyah” dalam *Majmū‘ al-Mutūn al-Kabīr*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Istiqāmah.
- Al-Sanūsī, Muḥammad ibn Yusūf ibn ‘Umar. 1954. “Matn al-Sanusiyyah Umm al-Barāhīn” dalam *Majmū‘ al-Mutūn al-Kabīr*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.
- Al-Saqqaf, Syed ‘Abd Allāh Ḥassan. 2003. *A Descriptive Linguistic Study of the Spoken Arabic of Wadi Hadramawt*, tesis Ph.D., University Exeter.
- Al-Sumāsī, Aḥmad Khaṭīb. t.t. *Fath al-‘Ārifīn: Diterjemahkan dengan bahasa Melayu pada menyatakan Bay‘ah al-Dhikr dan Silsilah al-Qādariyyah dan al-Naqshabandiyyah dan al-Anfāsī*, tashih Ilyās Ya‘qūb al-Azharī. Surabaya: Sharikat Bankol Indah.
- Al-Zabīdī, Muḥammad ibn al-Ḥasan Abū Bakr. 1984. *Ṭabaqāt al-Naḥwiyyīn wa al-Lughawiyīn*, Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (ed.). Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- Al-Ziriklī, Khayr al-Dīn. 2002. *al-A‘lām Qāmūs Tarājim li-Ash‘har al-Rijāl wa al-Nisā’ min al-‘Arab wa al-Musta‘ribīn wa al-Mustashrifīn*, jil. 3. Beirut: Dār al-‘Ilm li-Malāyīn.
- Andaya, B.W., dan Matheson, V. 1976. “Islamic Thought and Malay Tradition: the Writings of Raja Ali Haji of Riau (ca. 1809- ca. 1870)” dalam *Perception of the Past in Southeast Asia*, suntingan Anthony Reid and David Marr. Singapura: Heinemann.
- Braginsky, V.I. 1993. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV Press.

- Collins, James T. 1986. *Penyusunan Salasilah Bahasa di Malaysia: Kumpulan Karya R.A. Blust*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 1993. "Tamadun Melayu dan Dielektologi" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 37, bil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1995. "Pulau Borneo Sebagai Titik Tolak Pengkajian Sejarah Bahasa Melayu" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 39 Bil. 10. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 2011. *Bahasa Melayu Bahasa Dunia: Sejarah Singkat*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. *Kamus Dewan Edisi ke-4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Wok Zin, Engku Hassan dan Hamat, Mohd Fauzi. 2009. "Pengaruh Umm Al-Barahin Karangan Al-Sanusi Dalam Penulisan Karya Akidah Di Alam Melayu" dalam *Jurnal Usuluddin*, 30 Julai. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin.
- Ermers, Robert J. 1999. *Arabic Grammars of Turkic: The Arabic Linguistic Model Applied to Foreign Languages*. Leiden: Brill.
- Haji, Raja Ali. 1973. *Silsilah Melayu dan Bugis*, dikaji dan disusun kembali oleh Arena Wati. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Haji, Raja Ali. 1986. *Kitab Pengetahuan Bahasa: Yaitu Kamus Logat Melayu Johor, Pahang, Riau, Lingga*, dirumikan oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara, Bagian Proyek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Melayu. 1986.
- Haji, Raja Ali. 1998. *Tuhfat al-Nafis*, dikaji dan diperkenalkan oleh Virginia Matheson Hooker. Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Haji, Raja Ali. 2005. *Bustān al-Kātibīn li al-Şibyān al-Muta‘ālimīn*, diperkenalkan dan dirumikan oleh Hashim Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2005.
- Haji, Raja Ali. 2012. *Kitab Pengetahuan Bahasa*, dikaji dan diperkenalkan oleh Hashim Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Haji, Raja Ali. 2012. *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Haji, Raja Ali. 2014. *Thamarat al-Muhimmah Diyāfat li'l-Umarā' I wa'l-Kubarā' I li-Ahli al-Mahkamah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

- Hamidy, U.U. 2011. "Kutub Khanah Marhum Ahmadi: Pustaka Islam Pertama di Asia Tenggara" dalam *Sagang Oktober 2011*. Riau: Sagang.
- Harahap, Darwis. 1992. "Bustanul Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa: Satu Tinjauan" dalam *Jurnal Dewan Bahasa Jilid 36 bil. 3*, Mac 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1992.
- Hasrah, Tarmizi. 2013. "Tradisi Linguistik Barat Dan Arab Di Malayonesia Abad Ke-19", *Jurnal Melayu bil. 13, jil. 10*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hees, Syrinx von. 2006. "Al-Qazwīnī's 'Ajā'ib al-Makhlūqāt: An Encyclopaedia of Natural History?" dalam *Organizing knowledge: Encyclopaedic Activities in the Pre-Eighteenth Century Islamic World*, ed. Gerhard Endress. Leiden: Brill.
- Hidayat, Rahmat. 2015. *Ta'wil dalam Tradisi Islam dan Penyalahgunaannya oleh Sarjana Kontemporari*, Tesis Sarjana CASIS, UTM.
- Ibn 'Abbās, 'Abdu'LLāh, al-Fayrūzābādī, Muḥammad. 2007. *Tanwīr al-Miqbās min Tafṣīr ibn 'Abbās*, terj. Mokrane Guezzou, ed. Yousef Meri. Amman: Royal Aal al-Bayt Institute for Islamic Thought.
- Ibn Mālik, Abū 'Abd Allāh Jamāl al-Dīn Muḥammad. 1954. "Matan Alfīyyah Ibn Mālik" dalam *Majmū' al-Mutūn al-Kabīr*. Kaherah: Maṭba'ah al-Istiqāmah.
- Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram ibn 'Alī ibn Aḥmad. 1883. *Lisān al-'Arab*, 20 jilid. Kaherah: Maṭba'ah al-Mīriyyah.
- Ibrāhīm al-Laqqānī al-Miṣrī, 'Abd al-Salām ibn Ibrāhīm. 2001M/1422H. "Ithāf al-Murīd Sharḥ Jawharat al-Tawḥīd", Aḥmad Farīd al-Mazīdī (ed.) dalam *Hāshiyat ibn al-Amīr*. Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Ibrāhīm al-Zanjānī, 'Izzu al-Dīn ibn Abī al-Ma'alī ibn 'Abd al-Wahāb, 2008M/1328H. *Matn 'Izzī*. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Iskandar. T. 1970. *Kamus Dewan Edisi Pertama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izutsu, Toshihiko. 2002. *Ethico-Religious Concepts in the Qur'an*. McGill-Queen's Press, Montreal.
- Izutsu, Toshihiko. 2002. *God and Man in the Qur'ān, Semantics of the Qur'ānic Weltanschauung*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Junus, Hasan. 2002. *Raja Ali Haji-Budayawan di Gerbang Abad XX*, cetakan ke-2. Pekanbaru: UNRI Press.

- Kaptein, N. 2000. "Arabic Influence on Malay Linguistics" dalam *Geschichte der Sprachwissenschaften* ed. Sylvain Auroux. Berlin: Walter de Gruyter.
- Karim, Nik Safiah, et. al. 2011. *Tatabahasa Dewan: Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kozok, Uli. 2006. *Kitab Undang-undang Tanjung Tanah: Naskah Melayu yang Tertua*. Jakarta: Yayasan Obor.
- Kridalaksana, Harimurti. 1987. "Bustanul-Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa – Sumbangan Raja Ali Haji Dalam Ilmu Bahasa Melayu" dalam *Tradisi Johor-Riau: Kertas Kerja Hari Sastera 1983*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mandelbaum, David G. (ed.). 1968. *Selected writings of Edward Sapir in Language, culture and personality*. Berkeley, CA: University of California Press, 1968.
- Mat Piah, Harun, et. al. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MSS4172, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhanna, Elias Ibrahim. 2012. *Encyclopaedism in the Mamluk Period: The Composition of Shihāb al-Dīn al-Nuwayrī's (d. 1333) Nihāyat al-Arab fī Funūn al-Adab*. Tesis Ph.D., Harvard University.
- Musa, Hashim. 1994. "Antara Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu Masyarakat Melayu Lama dengan Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu Kini: Manifestasi Kehilangan Konsep Adab dan Budi Bahasa" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, jil. 38, bil. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa, Hashim. 2006. *Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu: Edisi Kedua, Siri Lestari Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nicholson, R. A. 1969. *A Literary History of the Arabs*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Nik Wan, Masakaree Ardae@Nik Muhammad Syukri. 2014. "Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu" dalam *Susur Galur: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 2(1) Maret 2014. Bandung: Minda Masagi Press.
- Omar, Asmah. 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, Hausaimi Hj. 2004. "Sumber Dalil Perkamusan Arab" dalam *Islāmiyyāt*, 25(1). Bangi: Penerbit UKM.

- Othman, Mohammad Redzuan. 1998. "The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya" dalam *Journal of Islamic Studies* 9:2. Oxford: Oxford Publisher.
- Putten, Jan van der dan al-Azhar. 2007. *Dalam Berkekalan Persahabatan: Surat-surat Raja Ali Haji kepada Von de Wall*. Bogor: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Putten, Jan van der. 2002. "On Sex, Drugs and Good Manners: Raja Ali Haji as Lexicographer" dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 33, No. 3. Cambridge: Cambridge University Press.
- Salleh, Siti Hawa. 2010. *Malay Literature of 19 Century*, ITBM, Kuala Lumpur.
- Sariyan, Awang. 2012. "Persoalan Epistemologi dalam Disiplin Linguistik dan Relevansinya dengan Linguistik Melayu," dalam Mohd. Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah (eds.), *Adab dan Peradaban*, Kuala Lumpur: MPH.
- Sham, Abu Hasan. 1993. *Puisi-puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuw, A. 1961. *A Critical Survey of Studies on Malay and Bahasa Indonesia*. The Hague: Nijhoff.
- Thiselton, A.C. 2002. "Language in Religion" dalam *A Concise Encyclopedia of the Philosophy of Religion*. Oxford: Baker Academic.
- Versteegh, Kees. 1997 *Landmarks in linguistic thought III: The Arabic Linguistic Tradition*, London & New York: Routledge.
- Wan Abdullah, Wan Mohd Saghir. 1990. *Syeikh Daud Abdulah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Hizbi, 1990.
- Wan Abdullah, Wan Mohd Saghir. 2000. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara: Jilid 3*. Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur.
- Wan Abdullah, Wan Mohd Saghir. *Raja Ali Haji Pujangga Melayu Termasyhur*, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0827&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm&arc=hive (diakses pada 25 Jun 2015).
- Wan Abdullah, Wan Mohd Saghir. *Raja Haji Abdullah - Yamtuan Muda Riau Ke IX*, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0124&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm#ixzz3eOlxHWK0 (diakses 29 Jun 2015).

- Wan Abdullah, Wan Mohd Saghir. *Syeikh Abdul Wahab Siantan Guru dan Mufti Kerajaan Riau-Lingga*, <http://ulama-nusantara.blogspot.com/2006/11/syeikh-abdul-wahhab-siantan-mufti-dan.html> (diakses 26 Jun 2015).
- Wan Daud, Wan Mohd Nor dan A. Harris, Khalif Muammar. 2009. “Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip Durr al-Farā'id Karangan Sheikh Nuruddin al-Rānirī” dalam *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. 1998. *Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. 2006. *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. 2007. *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan Edisi Kedua*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. 2007. *Iklīm Kehidupan Intelektual di Andalusia: Satu Cerminan Islamisasi Dua-Dimensi*. Pulau Pinang: Sekretariat Falsafah dan Sains Islam.
- Wan Ngah Sekam, ‘Abd al-Qādīr. t.t. *Taqrīb al-Ikhwān fī Ta‘allūm ‘Aqā'id al-Īmān*. Faṭānī: Maṭba‘ah al-Ḥalābī.
- Winstedt, R. O. 1952. *Malay Grammar: Second Edition Revised*, London: Oxford University Press.
- Winstedt, R. O. 1953. *The Malays: A Cultural History 3rd Ed*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Winstedt, R. O. 1969. *A History of Classical Malay Literature* Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yahaya, Mahyuddin. 1989. *Laporan Akhir Naskhah-naskhah Tulisan Jawi Mengenai Agama Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Za‘bā. 2009. *Rahsia Ejaan Jawi*, dirumikan dan diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Za‘bā. 2013. *Bahasa Melayu: Kelebihan dan Kekurangannya*, transliterasi dari huruf Jawi ke huruf Rūmī oleh Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia. Kuala Lumpur: Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia.